



05 AUG, 2020

## Tunggu arahan Bukit Aman

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Tunggu arahan Bukit Aman

.....  
ZARINA ABDULLAH

**KUCHING:** Polis Sarawak masih menunggu garis panduan daripada Bukit Aman untuk mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap orang ramai yang tidak memakai pelitup muka di tempat awam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Sarawak, SAC Denis Leong Soon Kuai berkata, apabila garis panduan tersebut akan diterima daripada Bukit Aman dalam masa terdekat agar tindakan lebih drastik dapat diambil oleh pihak polis termasuk mengenakan kompaun.

"Pada ketika ini, pihak kita masih memberi nasihat dan teguran kepada orang ramai yang tidak memakai pelitup muka di tempat awam yang sesak.

"Pemakaian pelitup muka ini adalah mandatori atau wajib di tempat awam yang sesak seperti pasar raya, pasar tani, pasar malam dan sebagainya di mana penjarakan fizikal sukar diamalkan.

"Begitu juga apabila berada di dalam pengangkutan awam seperti bas termasuk kenderaan e-hailing juga diwajibkan," katanya pada sidang media perkembangan Covid-19 di Dewan Undangan Negeri (DUN)

lama di sini semalam.

Menurutnya, pelitup muka tidak perlu digunakan apabila berada di dalam kenderaan persendirian dan juga bagi kanak-kanak berusia di bawah dua tahun.

"Namun, kita menasihatkan ibu bapa untuk tidak membawa anak-anak kecil mereka ke tempat awam yang sesak.

"Isu sekarang adalah bagaimana untuk menentukan pelitup muka itu perlu dipakai atau tidak walaupun ia adalah wajib dipakai apabila berada ditempat awam yang sesak dimana penjarakan fizikal sukar diamalkan.

"Contohnya, tidak wajib

pakai apabila anda berada di padang bola sepak atau pantai yang tidak terdapat ramai orang," jelasnya.

Beliau turut menasihati pembonceng dan penunggang motosikal untuk memakai pelitup muka itu jika penjarakan fizikal tidak dapat diamalkan seperti apabila berada di lampu isyarat kerana terdapat banyak motosikal lain turut sama menunggu lampu isyarat.

Mengulas mengenai isu tular seorang penunggang motosikal di Miri yang dikenakan kompaun kerana tidak memakai pelitup muka, beliau berkata belum melihat video itu.



**SAC Denis Leong Soon Kuai** pada sidang media perkembangan Covid-19 di Dewan Undangan Negeri lama di Kuching semalam.



05 AUG, 2020

## Tunggu arahan Bukit Aman

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Polis Sarawak masih menunggu garis panduan daripada Bukit Aman untuk mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap orang ramai yang tidak memakai pelitup muka di tempat awam. Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Sarawak, SAC Denis Leong Soon Kuai berkata, apabila garis panduan tersebut akan diterima daripada Bukit Aman dalam masa terdekat agar tindakan lebih drastik dapat diambil oleh pihak polis termasuk mengenakan kompaun.